



**KUMPULAN YAYASAN SABAH**

Menara Tun Mustapha

Kompleks Ibu Pejabat Yayasan Sabah

Teluk Likas, Peti Surat 11623

88817 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia

Tel: 6 088 326300 Faks: 6 088 326424

E-mel: [ysinfo@ysnet.org.my](mailto:ysinfo@ysnet.org.my)

Laman Web: <http://www.yayasansabahgroup.org.my>

# SIARAN MEDIA

## [ MEDIA RELEASE/STATEMENT ]

### UNTUK SIARAN SEGERA

27 Mac 2024

#### **MEMPERERAT JALINAN SILATURAHIM : MAJLIS BERBUKA PUASA MAHASISWA MAHASISWI SABAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI SEMENANJUNG MALAYSIA**

**JOHOR BHARU (Khamis):** Kumpulan Yayasan Sabah dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah dan Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) telah menganjurkan majlis berbuka puasa bersama mahasiswa dan mahasiswi Sabah yang sedang menuntut di Semenanjung Malaysia pada 26 Mac 2024 bertempat di Grand Ballroom, AmanSari Residence Resort, Johor. Majlis ini disempurnakan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin bin Datuk Haji Mohd. Arif.

Majlis berbuka puasa anjuran Kumpulan Yayasan Sabah ini merupakan majlis tahunan yang bertujuan untuk menyambut bulan Ramadan al-Mubarak bersama mahasiswa mahasiswi Sabah yang menuntut di Semenanjung Malaysia. Sebelum ini, Kumpulan Yayasan Sabah telah mengadakan majlis berbuka puasa ini di Pulau Pinang pada 25 Mac 2024 yang disempurnakan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Hajiji bin Haji Noor.

Seramai 600 orang para siswa dan siswi daripada 10 buah institusi pengajian tinggi di Zon Selatan Semenanjung Malaysia yang merangkumi Johor, Pahang Negeri Sembilan dan Melaka telah berkumpul di Johor untuk acara tersebut.

Program ini juga memberi ruang kepada mahasiswa dan mahasiswi untuk beramah mesra bersama barisan kepimpinan negeri sekaligus dapat mengeratkan hubungan silaturahim dan berkongsi maklumat di antara sesama pelajar berlainan IPT.

Majlis tersebut diisi dengan pengisian jamuan berbuka puasa, solat maghrib, isyak dan tarawih berjemaah.



**Gambar 1 :** Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin (sembilan dari kiri) dan Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar (lapan dari kiri) bersama ketua-ketua pelajar siswa siswi Sabah.



**Gambar 2 :** Datuk Dr. Haji Mohd. Arifin menyampaikan duit raya kepada salah seorang ketua pelajar IPT Sabah disaksikan oleh Pengarah Yayasan Sabah, Dato' Sri Haji Gulamhaidar @ Yusof bin Khan Bahadar.



**Gambar 3 :** Gambar berkumpulan.

-----TAMAT-----

Sebarang maklumat, sila hubungi:

Sam S. Karnail  
Pengurus Kumpulan  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Kumpulan Yayasan Sabah  
Tel : 088-326448  
Faks : 088-421526  
Emel : ynwaskarnail@gmail.com